

02/08/2002

Club 29 mahu kewujudan diiktiraf secara rasmi

LANGKAWI, Khamis - Club 29 yang mewakili profesional dan usahawan muda Malaysia dan negara anggota perkongsian pintar berharap kewujudannya dapat disenaraikan dalam deklarasi Dialog Antarabangsa Langkawi-Global 2002 (LID-Global 2002).

Ini kerana peranan kelab itu penting dalam mewujudkan pelapis di kalangan pemimpin dan usahawan bukan saja di negara ini tetapi negara anggota.

Wakil Club 29 dari Malaysia, Ahmad Izham Khairuddin, berkata walaupun kelab itu belum mempunyai objektif dan arah tuju, minat mendalam ditunjukkan wakil pada persidangan kali ini.

Beliau berkata, peranan yang mampu dimainkan kelab itu adalah meluas dan tidak hanya tertumpu kepada perbincangan mengenai konsep perkongsian bijak semata-mata.

Katanya, minat terhadap peranan kelab itu terbukti menerusi surat jemputan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada setiap ketua dan pemimpin negara asing yang meminta mereka menghantar wakil usahawan dan profesional muda ke dialog itu.

"Kami berharap Club 29 akan mendapat pengiktirafan di kalangan anggota dan ditubuhkan secara rasmi pada dialog kali ini kerana golongan ini adalah pelapis konsep perkongsian pintar.

"Kami boleh dikatakan generasi pemimpin masa depan seperti Pemuda Umno tetapi pada masa sama, masih memerlukan bimbingan mereka berpengalaman," katanya sambil menambah tumpuan jangka pendek Club 29 ialah menyampaikan pandangan kepada ketua negara di LID-Global2002.

Seramai 25 wakil Club 29 hadir pada pertemuan pertama hari ini, termasuk wakil dari Uganda, Botswana dan Zimbabwe. Club 29 diilhamkan hasil mesyuarat antara Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) dan Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) pada 29 Februari 2000. Ketika ditanya sejauh mana peranan dan kejayaan kelab itu, beliau berkata pihaknya akan terus mengadakan perbincangan dengan wakil Club 29 bagi membincangkan secara mendalam arah tuju sebenar kelab itu.

Beliau berkata, antara perkara dibincangkan termasuk objektif dan struktur yang turut meliputi kewujudan kumpulan berita yang membolehkan peserta berinteraksi dengan mudah.

Ditanya peranan yang boleh dimainkan Perdana Menteri selepas beliau bersara, Ahmad Izham berkata, Dr Mahathir masih lagi Fellow CPTM dan masih boleh bergiat aktif dalam dialog itu walaupun selepas bersara kelak.

Mengenai dialog Club 29 bersama pemimpin dan ketua kerajaan Sabtu ini, Koordinator Club 29, Ravin Ponniah, berkata lima soalan akan dikemukakan semasa perjumpaan itu.

Antaranya sejauh mana kepimpinan dalam konteks aspirasi peribadi dapat direalisasikan, bagaimana negara membangun boleh menjadi peneraju dalam kerjasama untuk mengurangkan jurang inovasi dan sejauh mana dialog perkongsian pintar mampu menyelesaikan konflik antarabangsa untuk mencapai keamanan global. Sementara itu, Pengerusi merangkap Ketua Eksekutif Institut Kajian Strategik Antarabangsa (ISIS), Tan Sri Dr Noordin Sopiee ketika ditemui berkata, pihaknya sibuk mengadakan perbincangan menentukan peranan golongan muda dalam bidang ekonomi dan politik dalam konteks negara Selatan-Selatan.